

Headline	Jual amah berpenyakit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	46	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	Mohd Jamilul Anbia Md Denin	AdValue	RM 9,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,467



'Jual' amah berpenyakit

Sindiket tawar pembantu rumah murah hidap hepatitis B, HIV

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin

anbia@hmetro.com.my

IPOH: Majikan yang berhajat mahu mengambil pembantu rumah dinasihatkan berwaspada berikutan wujud sindiket yang menawarkan amah berpenyakit bahaya untuk bekerja dengan warga tempatan.

Pihak sindiket yang menawarkan khidmat pembantu rumah warga asing dengan harga murah ini didakwa sengaja menghantar pembantu rumah yang mempunyai penyakit hepatitis B atau HIV untuk bekerja di negara ini.

Lebih menakutkan pembantu rumah itu dilatih supaya licik mencuri barangan berharga milik majikan sebelum melarikan diri beberapa minggu selepas bekerja.

Amah berpenyakit itu kemudian akan 'dijual' pula kepada majikan lain sebelum perkara sama berulang selepas sindiket memperoleh wang bayaran lebih RM5,000 bagi khidmat pembantu rumah ditawarkan.

Terbaru seorang jururawat, Norazlina Alwi, 30-an, menjadi mangsa apabila diperdaya seorang wanita tempatan yang menawarkan pembantu rumah warga asing Indonesia dengan bayaran RM5,305.

Dia mendakwa terdesak untuk mendapatkan pembantu rumah selepas sarat mengandung selain mahu memastikan tiga anak kecilnya diberi perhatian sewajarnya selepas dia melahirkan bayi kelak.

"Saya diperkenalkan kepada seorang wanita tempatan berusia 65 tahun beberapa bulan lalu yang mendakwa boleh mendapatkan pembantu rumah warga asing yang rajin.

"Wanita terbabit berjanji akan menggantikan pembantu rumah baru dalam tempoh

tiga bulan sekiranya saya tidak berpuas hati dengan khidmat diberikan," katanya.

Menurutnya, dia dan suami, Shahrul Nizam Taharin, 39, bersetuju mengambil pembantu rumah ditawarkan selepas ditunjukkan pelbagai dokumen termasuk laporan perubatan di Indonesia yang membuktikan amah berkenaan bebas sebarang penyakit.

"Saya kemudian diberikan pembantu rumah bernama Mala, 40-an berasal dari Pulau Kijang, Indonesia, selepas membuat pembayaran penuh seperti diminta ejen berkenaan.

"Bagaimanapun saya dan suami mula sangsi terhadap tahap kesihatan amah terbabit sebelum menghantarnya menjalani pemeriksaan kesihatan. Saya terkejut apabila doktor memberitahu amah itu menghidap penyakit hepatitis B positif," katanya.

Menurutnya, penyakit itu boleh berjangkit dengan mudah dan menjadi punca merebaknya kanser hati dan kematian dalam tempoh singkat.

"Susulan itu pihak, Imigresen yang dimaklumkan perkara itu meminta supaya amah terbabit dikembalikan kepada ejen untuk dihantar pulang ke negara asal," katanya.

Pada masa sama, katanya, ibunya yang berada di rumah turut tidak sedap hati apabila melihat tingkah laku aneh Mala yang didakwa gemar menyelongkar dan mencari sesuatu.

"Saya kemudian memeriksa beg pakaian Mala dan terkejut apabila mendapati ia berisi barang berharga milik kami, wang tunai termasuk baju kurung yang mahu dicurinya.

"Kami kemudian menyerahkan semula Mala kepada ejen wanita terbabit. Namun, kami dapati amah itu dihantar pula bekerja di salah sebuah rumah majikan lain di Rokam di sini," katanya.

Headline	Jual amah berpenyakit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	46	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	Mohd Jamilul Anbia Md Denin	AdValue	RM 9,489
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,467

